



## Budi Bahasa



## Budaya Kita

### Laman Utama

#### Makanan Tradisional

Melayu

Cina

India

#### Pakaian Tradisional

Melayu

Cina

India

#### Alat Muzik Tradisional

Melayu

Kompang

Alat muzik gamelan

Nafiri

Serunai

Cina

India

#### Tarian Tradisional

Melayu

Cina

India

#### Adat Perkahwinan

Melayu

Cina

India

### Sila Layari

[Kamus Dewan](#)

[Kementerian Pelajaran Malaysia](#)

[Portal IPG KPM](#)

[Portal IPGK PM](#)

## Alat muzik gamelan

Gamelan merupakan himpunan alat muzik seperti bonang, gambang, gendang dan gong. Perkataan 'gamelan' berdaripada perkataan Jawa iaitu 'gamel' yang bermaksud memukul atau tukul. Kemudian gamelan diperkenalkan dan seterusnya ke Terengganu.



Bonang:

Bonang merupakan alat terpenting dalam muzik gamelan, berfungsi sebagai intro lagu. Bonang dimainkan dengan menggunakan pengetuk kayu yang hujungnya berbalut. Alat ini dikenali juga sebagai Keromong. Diistilahkan sebagai yang berukuran kecil dan diperbuat daripada 'perunggu' dan merupakan alat melodi utama. Alat muzik ini merangkumi oktaf yang berlaras "anhemitomik pentatonik" dan disongsangkan.

Secara fizikalnya alat ini mempunyai bentuk seperti kendi dan bunyinya berdentung. Dalam bahasa Jawa, ia beroktaf rendah dikenali sebagai 'wedok' manakala yang beroktaf tinggi dikenali sebagai 'lanang'.



Kenong:

Kenong menyerupai gong tetapi lebih nipis, bulat dan kecil berbanding gong. Alat ini diletakkan di atas tali kayu yang diperbuat daripada kayu keras untuk menghasilkan bunyi yang merdu setelah diketuk. Alat ini digunakan sama seperti pengetuk bonang.



Gambang:

Merupakan alat muzik yang diperbuat daripada kayu keras, mempunyai 21 keping kayu berbentuk 4 segi panjang, tiap satu berbeza ketebalan dan panjang. Biasanya dimainkan menggunakan 2 bilah kayu pengetuk yang dipang. Cara memainkannya dengan mengetuk menggunakan kedua-dua belah tangan serentak.



Tjokrasuharto

Saron

Saron terdiri daripada bilah-bilah yang disusun di atas tapak kayu. Terdapat 3 jenis saron iaitu saron demon, penerus dan saron peking.



Gendang:

Gendang merupakan satu alat yang penting dalam setiap persembahan gamelan, ibarat tidak lengkap sesebuah gamelan tanpa gendang malah pincang.



Gong:

Berperanan seperti tulang belakang dalam persembahan gamelan.

Sumber :

<http://psksksd.blogspot.com/2010/07/tema-4-alat-muzik-kebanggaan-kita.html>

<http://en.wikipedia.org/wiki/Bonang>

<http://abishai-gamelan.blogspot.com/2008/09/pengenalan-alat-alat-muzik-gamelan.html>

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Gamelan>

### Comments

You do not have permission to add comments.